

21 JUN 2003

Mahathir-Gulung (Lega)

DR MAHATHIR LEGA TIADA REBUTAN JAWATAN TIMBALAN PRESIDEN UMNO

KUALA LUMPUR, 21 Jun (Bernama) -- Melahirkan rasa leganya kerana tidak akan berlaku pertandingan untuk jawatan timbalan presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata semangat permuafakatan itu, jika diterjemahkan, akan menentukan kemenangan besar Barisan Nasional (BN) dan Umno pada pilihan raya umum akan datang.

Katanya beliau gembira ketiga-tiga naib presiden parti telah berikrar untuk menerima keputusan siapa saja calon yang dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri oleh penggantinya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi kelak.

Mereka juga bersetuju mematuhi tradisi parti bahawa seorang yang dilantik sebagai timbalan perdana menteri patut menjadi timbalan presiden parti.

"Saya amat syukur, dari ucapan naib-naib presiden nampaknya tidak akan berlaku rebutan dalam parti," katanya dalam ucapan penggulungan pada Perhimpunan Agung Umno ke-54 di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra di sini hari ini.

Perdana Menteri berkata beliau kkuatir sekiranya berlaku perebutan jawatan itu, calon yang kalah akan berasa kecewa dan mengambil tindakan yang boleh memecah belahkan parti.

Dr Mahathir berkata kebimbangannya berasaskan kepada sikap segelintir anggota parti yang tidak faham etika demokrasi dan tidak dapat menerima kekalahan calon mereka.

Katanya parti akan selamat apabila pertandingan tidak berlaku dan semua anggota Umno patuh kepada keputusan yang bakal diputuskan oleh Abdullah apabila mengambil alih jawatan Presiden Umno kelak.

"Kalau semangat ini dikekalkan, saya yakin kita akan sapu bersih pada pilihan raya umum akan datang," kata beliau.

Beliau menyarankan supaya hanya satu nama calon sahaja dikemukakan kepada pucuk pimpinan parti bagi setiap kawasan dan menghentikan amalan menghantar rombongan, menelefon dan membuat rayuan.

Sekiranya lebih dari satu nama calon dikemukakan, mereka yang tidak terpilih mestilah memberi akuan menerima keputusan pucuk pimpinan, katanya.

Dr Mahathir berkata semua anggota parti mesti bekerja kuat untuk memberikan kemenangan kepada calon yang terpilih kerana kejayaannya bererti kemenangan Umno untuk bangsa, agama dan negara.

Perdana Menteri turut mengulangi nasihatnya kepada orang Melayu supaya tidak mengambil jalan mudah bagi mencapai kesenangan kerana sikap ini boleh menyebabkan negara tergadai.

Beliau memberikan contoh sejarah Raja-raja Melayu menyerahkan kuasa mentadbir negeri kepada British apabila ditawarkan pencen politik, kereta Rolls Royce dan payung kuning.

"Jangan cari jalan mudah tapi carilah jalan yang baik untuk mencari kesenangan. Ambil jalan mudah, negara akan tergadai, sejarah sudah tunjukkan," katanya.

Beliau berkata biarlah kesenangan dan kekayaan diperolehi dengan sabar dan lambat kerana ajaran Islam menyuruh umatnya selalu bersabar.

"Pada zaman ni pun banyak orang cari jalan mudah, bila dapat peluang dia jual peluang itu," katanya.

Perdana Menteri berkata terdapat usahawan Melayu di negara ini yang mengecapi kekayaan hasil kesabaran tanpa perlu mencari jalan pintas.

"(Tan Sri) Mustapha Kamal dan (Tan Sri) Syed Mokhtar Al-Bukhary adalah yang tersenarai sebagai antara tokoh yang terkaya di dunia. Walaupun begitu

ada juga yang muncul sebagai jutawan di negara ini dengan jalan mudah,"  
katanya.

-- BERNAMA

MAN ZS RON